

# Horizon



KOLAM renang antara kemudahan yang ditawarkan di The Rubber Escape, Alor Gajah.



SESUAI dengan namanya, lokasi ini yang terletak dalam kebun getah memberi ketenangan.

Oleh ZURAINI MOHD. KHALID

**S**ELAIN menghabiskan hujung minggu dengan memilih percutian jenis 'staycation', warga ibu kota juga gemar untuk mengunjungi negeri-negeri sekitar seperti Selangor, Negeri Sembilan dan juga Melaka sebagai lokasi

## Percutian damai, redup dalam kebun getah

dengan katil bingkai kayu moden

untuk bersantai pada hujung minggu.

Hal ini kerana negeri-negeri tersebut juga menyajikan pengalaman percutian menarik tanpa perlu menghabiskan masa untuk memandu jauh atau menempuh perjalanan panjang.

Sebuah lokasi percutian di negeri bersejarah Melaka yang mula membuka pintunya kepada pengunjung pada Julai 2019 merupakan antara lokasi yang diminati pengunjung bagi menghabiskan cuti hujung minggu.

The Rubber Escape yang terletak di Kampung Lendu, Alor Gajah, Melaka merupakan sebuah resort mini dengan konsep percutian menenangkan dikelilingi pokok-pokok getah yang mendamaikan.

Suasana sekitar yang redup dan mendamaikan mampu menenangkan minda dan merehatkan badan.

Pengurus premis itu yang hanya mahu dikenali sebagai Cheryl berkata, dia memilih untuk membina sebuah pusat penginapan di Alor Gajah memandangkan tanah di kawasan tersebut adalah milik keluarganya.

“Pusat percutian ini dibina di atas tanah milik keluarga

“Malah, lokasinya yang terletak agak jauh dari bandar Melaka yang sibuk menjadikan ia antara lokasi terbaik untuk bercuti,” katanya kepada *Horizon*.

Tambah Cheryl, lokasi tersebut terletak kira-kira 30 minit dari Jonker Walk dan juga bandar Melaka.

Jelas Cheryl, keunikan dan kelainan yang ada pada premis percutian itu adalah pada lokasinya yang terletak di dalam sebuah kebun getah.

Malah, nama The Rubber Escape juga adalah diinspirasi daripada kedudukannya dan cukup bersesuaian dengan konsep percutian yang ditawarkan premis itu.

Memandangkan ia merupakan sebuah resort mini atau resort yang bersaiz kecil, The Rubber Escape



**SUASANA di salah satu bahagian di lokasi percutian ini yang berkonsep moden minimalis.**

setakat ini hanya menawarkan 12 buah bilik penginapan yang boleh dipilih pengunjung.

Setiap bilik menawarkan hiasan dalaman bertemakan moden minimalis dengan padanan dinding polos rona putih



Lokasinya yang terletak agak jauh daripada bandar Melaka yang sibuk menjadikan ia antara lokasi terbaik untuk bercuti.”



**SUASANA damai juga dicitiskan daripada dekorasinya.**

dengan katil bingkai kayu moden.

Antara tarikan dan kemudahan yang ditawarkan termasuk papan memanah, kolam renang infinity, perkakas barbeku dan juga kafe 'in-house' yang menyajikan menu-menu menarik.

“Kesemua kemudahan boleh digunakan pengunjung sepanjang menginap di sini.

“Bagi kafe in-house kami pula, ia menyediakan menu makan malam, sesuai buat pengunjung yang mungkin enggan menandu keluar dan lebih memilih untuk makan malam bersama rakan-rakan dan keluarga di dalam premis ini sahaja,” ujarnya.

Lokasi percutian itu mampu memuatkan seramai 40 orang pengunjung pada satu-satu masa.

Harga bilik penginapan di The Rubber Escape bermula daripada RM338 sehingga RM508 mengikut jenis.

Maklumat lanjut boleh didapati menerusi laman web [therubberescape.com](http://therubberescape.com).